

JPS nafi dakwaan pesawah

Hanya 1.2 hektar sahaja kawasan tanaman padi musnah ditenggelami air

SABAK BERNAM — Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabak Bernam menolak dakwaan seorang pesawah kononnya kira-kira 52.8 hektar sawah padi di Kampung Tali Air 9 Ban 2 Pasir Panjang musnah akibat tanaman padi ditenggelami air sejak tiga minggu lalu.

Jurucakapnya berkata, hasil pemantauan JPS di kawasan itu mendapati hanya 1.2 hektar sahaja kawasan tanaman padi terlibat akibat kegagalan pesawah terbabit mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan.

Menurut jurucakap itu, JPS telah mewartakan jadual pengagihan air untuk kawasan Sungai Nipah dan Pasir Panjang pada 1 September lalu, manakala bagi kawasan Panchang Bedena dan Bagan

Terap pula ditetapkan pada 1 Oktober.

“Hasil pemantauan dan tinjauan, kami mendapati kawasan di sebelah tanaman itu dan kawasan lain mengikut jadual penanaman dan mereka tidak berdepan masalah kerana padi tumbuh macam biasa.

“Mungkin pesawah terbabit lewat menanam dan kebetulan hujan pada Ahad lalu mengakibatkan air di kawasan sawah terlebih menyebabkan anak padi yang baru ditanam mati,” katanya.

Mengenai rungutan pesawah tentang masalah pintu kawalan air kawasan itu, jurucakap itu memberitahu, pintu air baharu itu tidak bermasalah dari segi sistem buang air memandangkan sistem per-

Kunci air rosak punca masalah

132 ekar sawah musnah ditenggelami air sejak tiga minggu lalu

SABAK BERNAM — Kira-kira 132 ekar sawah padi di Kampung Tali Air 9 Ban 2 Pasir Panjang ditenggelami air sejak tiga minggu lalu akibat kegagalan kunci air berfungsi bagi mengawal paras kemasukan air ke kawasan sawah berkenaan.

Seorang pesawah, Abu Sarah Mohdali, 66, berkata, masalah kunci air pembuang berlaku tiga minggu lalu apabila kunci air di kawasan itu rosak akibat aliran air dari sawah padi tidak dapat dikawal ke laut pembuang.

Menyarnya, keadaan itu menyebabkan air sawah kawasan itu terbenam dan tidak dapat mengalir ke laut pembuang.

tapi semuanya terhasil kerana apabila anak padi berusia sembilan hari terbenam akibat terbenam di dalam air sehingga menyebabkan semuanya rosak,” katanya.

Abu Sarah berkata, padi yang ditanamnya itu dipangkas pada November depan, namun, menangkakan hasil pengeksporan hasil merosot, berbanding anggaran yang mampu diperoleh antara lain sebanyak 10 tan metrik jika keadaan sawah lebih baik.

“Tali sawah ditanam tiga hari sebelum terbenam. Bila air terbenam, padi-padi sawah itu mati,” katanya.



Dudukkan (kanan) bersama-sama Abu Sarah (tengah) dan pesawah lain memantapkan keadaan tanaman padi mereka yang rosak akibat ditiup air sejak tiga minggu lalu.

yang merosot dalam masa tiga hari.

yang bertanggungjawab membaiki kerosakan air pembuang dan buang ke laut pembuang.

di-

Laporan Sinar Harian Rabu lalu.

paritan tersebut dalam keadaan normal dan beroperasi dengan sebaiknya.

“Kalau ikut sistemnya yang sebenar, JPS pada awalnya dah buat kerja-kerja pembersihan parit menggunakan mesin. Cuma keadaan ketika itu hujan menyebabkan air

di sawah terbabit bertakung, tapi secara kebetulan air yang tersekat itu tak lama dan kemudiannya masuk ke parit buang dan surut semula,” katanya.

Selain itu, pesawah yang tidak mengikut jadual penanaman padi juga ber-

depan dengan faktor lain seperti ancaman perosak yang boleh mengakibatkan hasil pengeluaran tanaman padi mereka jauh merosot.

“Misalnya, rakan pesawah bersebelahan dah nak masuk peringkat meracun, tetapi kita baru nak mula menanam, jadi ini menyebabkan perosak akan berpindah ke tanaman kita dan menyebabkan padi rosak,” katanya.

Sinar Harian, 30 September lalu melaporkan, kira-kira 52.8 hektar sawah padi di Kampung Tali Air 9 Ban 2 Pasir Panjang musnah akibat sawah mereka ditenggelami air sejak tiga minggu lalu akibat kegagalan kunci air berfungsi dengan baik bagi mengawal paras kemasukan air ke kawasan sawah berkenaan.

Ahli Parlimen BN takkan terpengaruh

SABAK BERNAM — Pembangkang dijangka tidak dapat mempengaruhi sokongan ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) jika undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dibawa ke Sidang Dewan Rakyat.

Bekas Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Abdul Rahman Bakri berkata, jika dibawa ke Dewan Rakyat sekali pun, beliau yakin pembangkang tidak akan memperoleh majoriti mudah untuk meluluskan usul tersebut.

“Walau siapa yang jadi pemimpin, saya akan terus memberikan sokongan sepenuhnya. Ketika ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan kita perlu tunjukkan sokongan sepenuh kepada beliau yang telah melakukan pelbagai kaedah dan transformasi untuk membantu rakyat,” katanya.